

30 AUG 2000

Mahathir-Toleran

DR MAHATHIR AJAK RAKYAT KEKALKAN SIFAT TOLERAN ANTARA KAUM

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat tentang pentingnya mereka mengekalkan sifat toleran antara kaum dan antara parti-parti politik bagi menjamin negara terus aman dan maju.

Perdana Menteri berkata rakyat negara ini bernasib baik kerana berada dalam negara yang aman dan makmur.

"Nikmat itu haruslah disyukuri," katanya dalam buku cenderamata sambutan Hari Kebangsaan ke-43 yang akan disambut esok.

Dalam menikmati kemakmuran itu, Dr Mahathir berkata penduduk negara ini harus berhati-hati dengan ancaman daripada pihak tertentu baik daripada dalam mahupun di luar negara yang tidak senang melihat Malaysia maju.

"Mereka ini berusaha untuk memecah-belahkan rakyat supaya negara tidak stabil, ekonomi merosot dan menggugat kemerdekaan kita," katanya.

Namun, beliau yakin dengan kekuatan jatidiri dan semangat patriotisme, rakyat tidak akan terpengaruh dengan sebarang tindakan negatif.

"Pertahankanlah kemerdekaan dan kemakmuran kita," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata sepanjang 43 tahun merdeka, pelbagai kejayaan telah dikecapi oleh negara ini sehingga Malaysia mendapat pengiktirafan negara-negara maju dan membangun.

"Negara-negara Islam turut kagum dengan kepesatan pembangunan ekonomi dan masyarakat serta kestabilan politik kita," katanya.

Perdana Menteri turut mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat khususnya kepada Jawatankuasa Pusat Perayaan Bulan Kemerdekaan ke-43 Tahun 2000 serta kerajaan Selangor yang menjayakan sambutan perayaan Bulan Kemerdekaan tahun ini.

-- BERNAMA

NZ HS MAM MAI